

25/07/2004

PM buktikan kemampuan negara perang kegunaan

SELEPAS mengakhiri lawatan ke Amerika Syarikat dan Perancis, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengunjungi Britain untuk berbincang mengenai pelbagai kepentingan dua hala dan global dengan rakan sejawatnya, Tony Blair.

Dalam kunjungan itu, Perdana Menteri memenuhi undangan untuk ditemubual oleh wartawan British Broadcasting Corporation (BBC), semalam. Wawancara 15 minit itu disiarkan menerusi Asia Today di Saluran Astro pada jam 9.30 pagi semalam dan diulang siar pada sebelah petang dan malam.

Berikut adalah sedutan daripada wawancara itu.

BBC: Mengapa sekarang Malaysia terbabit dengan Iraq?

PM: Untuk menyertai peperangan? Tidak, kami tidak menyertai peperangan.

BBC: Pasukan perubatan tentera?

PM: Pasukan perubatan tentera, ya kami kena tubuhkan pasukan perubatan tentera kerana kami akan menghantar pasukan ke kawasan yang berbahaya yang mana kami fikir pasukan perubatan tentera tahu bagaimana hendak menjaga diri. Pada masa sama, apa yang berlaku di Iraq, pasukan tentera mendapat mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

BBC: Jadi anda bertanggungjawab kepada PBB bukan kepada Amerika Syarikat?

PM: Tanggungjawab ialah kepada siapa saja yang berkuasa di Iraq pada masa ini. Kami juga tahu kerajaan sementara Iraq sudah ada dan mempunyai kuasa terhadap banyak perkara yang berlaku di Iraq. Kami memahaminya dan kami tidak akan ada masalah.

BBC: Apakah isyarat yang anda mahu atau berikan kepada dunia Islam dengan melakukan ini?

PM: Keputusan ini bukan kerana tujuan untuk memberikan apa-apa isyarat khusus kepada sesiapa pun. Tetapi kami rasa kami perlu lakukan sesuatu untuk membantu rakyat Iraq. Itulah niat utama kami. Kami juga ingin membabitkan diri dalam pembangunan semula Iraq dan ia boleh dimulakan dengan menunjukkan keprihatinan kami dan keupayaan kami untuk membantu mereka dengan menghantar pasukan perubatan.

BBC: Tetapi anda pernah bercakap mengenai usaha mengajak negara Islam lain?

PM: Saya juga ingin melihat negara Islam lain melakukan sesuatu kerana Iraq adalah negara Islam. Mereka tentu lebih selesa dengan kehadiran kami dan peranan kami.

BBC: Anda rasa anda memulakan usaha memainkan peranan itu?

PM: Ia boleh ditafsir sedemikian.

BBC: Apakah anda akan menafsirkan sedemikian?

PM: Boleh jadi tetapi tidak semestinya saya menafsirkan sedemikian. Jika saya berhadapan dengan keadaan yang mendedahkan pendirian kami, iaitu terbabit dengan keadaan yang kami tidak begitu yakin dan tidak sanggup melakukannya sebelum ini.

BBC: Kita tumpu pula ke Asia Tenggara, perang terhadap kegunaan di Asia Tenggara. Apakah sudah berjaya?

PM: Perang terhadap kegunaan di Asia Tenggara berterusan dan saya fikir kami sedang memenangi peperangan itu.

BBC: Sudahkah anda berjaya?

PM: Tidak sepenuhnya tetapi kami memantau dengan berhati-hati dan kami percaya tidak lama lagi, tidak akan ada ancaman lagi.

BBC: Bolehkan anda menetapkan tarikh untuk mengisytiharkan kemenangan?

PM: Tidak, saya tidak melihat kepada tarikh untuk mengisytiharkan kemenangan tetapi apabila kami mencapai sesuatu seluruh dunia akan tahu bahawa rantau ini adalah aman dan tiada lagi insiden yang boleh dianggap sebagai masih ada masalah. Pada masa itulah orang akan rasa Asia Tenggara adalah ok, selamat dan tiada lagi masalah.

BBC: Pada pilihan raya umum baru-baru ini parti anda cemerlang dan fundamentalis Islam atau parti Islam kalah teruk. Bagaimana anda melihat keputusan itu?

PM: Kami ambil pendirian berhubung perkara berkaitan Islam. Pendirian kami ialah menawarkan Islam dan mengamalkan Islam yang berasaskan kesederhanaan, hormat kepada penganut agama lain dan kesanggupan bekerjasama dan berkongsi kuasa, itulah apa yang kami sudah lakukan. Islam yang progresif dan yang tidak anti kemajuan, Islam yang menunjukkan arah ke hadapan, arah kemajuan dalam segala bidang. Mengingatkan orang Islam bahawa menimba ilmu adalah wajib.

BBC: Maksudnya anda membawa pergerakan Islam ke dalam politik arus perdana?

PM: Ya.

BBC: Apakah anda berjaya mencapainya?

PM: Ya, itulah apa yang saya lakukan kerana saya tidak dapat lari daripada hakikat bahawa orang mahu tahu apakah pendirian kami mengenai Islam. Perlu diingatkan bahawa Islam adalah agama rasmi Malaysia dan jumlah penduduk Islam adalah besar. Melainkan kami menunjukkan pilihan lain yang boleh menjamin kemajuan dan pembangunan kepada orang Islam. Maka pilihan mereka sudah tentu sesuatu yang lain, mungkin mereka akan menyokong parti lain. Inilah realiti yang perlu kami terima.

BBC: Apakah anda seorang Islamis?

PM: Saya tidak suka perkataan Islamis atau apa-apa. Saya adalah orang Islam yang kuat berpegang kepada agama.

BBC: Bukankah agama itu patut menjadi sebahagian daripada strategi politik anda?

PM: Kepercayaan saya kepada Tuhan amat penting. Ia mempengaruhi saya dalam setiap perkara yang saya lakukan. Saya adalah seorang Islam. Islam, agama saya mengajar saya untuk menjadi ikhlas, jujur dan bertanggungjawab.

Apabila saya bercakap mengenai tanggungjawab, kejujuran dan keikhlasan saya nyatakan kepada orang ramai bahawa saya bertanggungjawab bukan hanya kerana peraturan atau hubungan yang ada dengan Ketua Audit tetapi saya percaya bahawa tanggungjawab saya adalah kepada Pencipta saya. Ya, itulah yang sebenarnya. Jika inilah orang yang percaya kepada Tuhan dan jika orang ini mahukan keamanan kerana guru agamanya mengajarnya untuk mencintai keamanan, sederhana dan menghormati orang lain. Inilah jenis orang yang boleh kami terima sebagai pemimpin.

Saya ingat apabila seorang bukan Islam datang kepada saya dan berkata: "Pak Lah, saya sudah dengar apa yang anda cakapkan dan melihat apa yang anda lakukan. Anda adalah seorang Islam tetapi pemimpin Islam seperti anda, saya tidak ada masalah.

BBC: Bagaimana Malaysia dan Asia Tenggara dapat membangun dengan amat berbeza daripada Timur Tengah berhubung Islam, politik dan keganasan?

PM: Keadaan kami berbeza. Saya sentiasa mengatakan bahawa untuk saya dan peranan Islam di Malaysia tidak boleh berdasarkan peranan Islam seperti mana yang difikirkan orang Islam di negara lain.

BBC: Tiga tahun lalu pemimpin sebelum anda mengisytiharkan bahawa Malaysia adalah negara Islam. Anda bersetuju?

PM: Ya, tak ada masalah. Ia dibincangkan Majlis Tertinggi Barisan Nasional, kami menjelaskannya. Saya juga diminta menjelaskannya. Saya bertemu pemimpin agama lain yang datang ke pejabat saya dan ingin berbual dengan saya dan ingin tahu apa sebenarnya perkara itu.

Saya beritahu mereka bahawa kenyataan yang dibuat (Tun Dr) Mahathir (Mohamad) adalah berdasarkan pengiktirafan pencapaian kami selama ini. Bahawa pembangunan Malaysia dan kemajuan orang Islam hari ini sudah tentu boleh dianggap dan boleh dirumuskan bahawa Malaysia adalah negara Islam.

BBC: Adakah ia seperti negara Islam atau seperti Britain yang melihat ia sebagai negara yang dikuasai Kristian atau negara Islam yang mana penduduk lain adalah rakyat kelas kedua?

PM: Tidak, tak ada apa yang dikatakan rakyat kelas kedua. Orang Islam Malaysia dalam Umno, kerana Umno parti orang Melayu dan semua orang Melayu adalah Islam, dan kami berkongsi kuasa dengan penganut agama lain dan kaum lain dan perkongsian kuasa ini amat mantap dan kami benar-benar komited.

Malah kami turut bersetuju, saya turut bersetuju untuk meletakkan calon bukan Islam dalam kawasan yang mana orang Islam adalah majoriti dan mereka menang.

BBC: Untuk mengekalkan keseimbangan itu?

PM: Sudah tentu. Kami amat sedar akan keperluan untuk mengekalkan keseimbangan setiap masa. Kami tidak boleh hanya bercakap mengenai pembabitan dan perkongsian kuasa jika orang ramai tidak dapat melihat bukti adanya perkongsian kuasa.

BBC: Berbalik kepada perang terhadap keganasan, anda kata anda sudah mengalahkan Jemaah Islamiah (JI). Apakah mereka sudah dihancurkan?

PM: Saya tidak kata mereka sudah dihancurkan, cuma jika mereka masih ada, kami dapat mengawal mereka.

BBC: Bagaimana di Indonesia, mereka agak aktif di sana dan mereka tidak mengatakan mereka wujud?

PM: Cara Indonesia melihat keadaan itu sudah pastinya berbeza dengan cara kami melihat keadaan kami. Tetapi kami tahu ada unsur kumpulan ini di Indonesia dan negara itu berusaha keras untuk mengesan dan menangkap mereka.

BBC: Itu adalah masalah merentasi sempadan.

PM: Ia di sebelah sempadan sana di Indonesia tetapi bukanlah seperti dekat sebelah sempadan seperti di Thailand.

BBC: Seorang lagi pemimpin sebelum anda, (bekas) Timbalan Perdana Menteri, (Datuk Seri) Anwar Ibrahim masih dalam penjara. Apakah ada kemungkinan anda memohon Yang di-Pertuan Agong untuk pengampunan?

PM: Itu adalah kuasa Yang di-Pertuan Agong, ia adalah soal mahkamah, semuanya sebahagian daripada prosedur perundangan. Apabila tiba masanya beliau ingin membuat permohonan untuk pengampunan, ia adalah perkara untuk beliau putuskan. Ia adalah sesuatu yang beliau boleh lakukan.

BBC: Adakah itu sesuatu yang anda akan pertimbangkan?

PM: Ia bukan untuk saya melakukannya dan bukan untuk saya memberi pengampunan dan bukan untuk saya untuk campur tangan.

(END)